



KEMAHIRAN SEBELUM BERGELAR GRADUAN

Oleh Noraziah Mohd Amin

LAMBAKAN graduan yang menyumbang kepada peningkatan jumlah rakyat yang menganggur di negara ini begitu membimbangkan. Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai peluang untuk memastikan mereka berjaya ditempatkan dalam sektor pekerjaan, kebanyakan graduan masih mengusung sijil akademik dari satu syarikat ke satu syarikat bersama-sama harapan agar diberi pekerjaan.

Apakah yang membuatkan graduan hari ini kurang menjadi tarikan syarikat di Malaysia? Adakah pencapaian akademik yang cemerlang sudah dapat memberikan jaminan

sepenuhnya dalam mendapatkan pekerjaan? Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan bagi Januari 2015 menyatakan bahawa kadar pengangguran meningkat 0.1 mata peratus kepada 3.1 peratus pada bulan tersebut berbanding dengan 3.0 peratus pada Disember 2014. Peningkatan jumlah peratusan pengangguran di negara ini menunjukkan wujudnya kelemahan tertentu pada pihak pencari kerja, terutamanya pelajar lepasan universiti yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Terdapat pelbagai kemahiran lain yang sering kali tidak dipedulikan oleh bakal graduan berbanding dengan

etika dan rohani yang baik, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, dan penguasaan sesuatu pengetahuan.

Graduan yang beretika dan mempunyai nilai spiritual yang baik biasanya mudah ditawarkan pekerjaan. Reputasi yang baik sebagai pelajar tanpa sebarang rekod jenayah dan salah laku di universiti, seperti kes meniru dalam peperiksaan, pecah amanah atau menyimpan bahan terlarang, memberikan imej yang positif kepada bakal majikan. Pemeriksaan latar belakang graduan dari segi sahsiah yang dilakukan oleh bakal majikan mungkin dapat "mematikan" minatnya untuk menawarkan pekerjaan sekiranya graduan itu dikenal pasti mempunyai sejarah hidup yang kurang baik.

Personaliti yang positif menjadi tunggak utama dalam membentuk cara pembawaan diri seseorang itu. Sekiranya graduan itu mudah emosional atau sensitif dengan provokasi atau begitu meninggi diri ketika sesi temu duga berlangsung, hal ini dapat menutup peluangnya untuk diberi pekerjaan walaupun dia mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang. Oleh itu, kawalan emosi dalam menghadapi tekanan psikologi perlu dibentuk dalam diri.

Selain itu, graduan juga perlu menonjolkan diri kepada bakal majikan bahawa dia individu yang mempunyai kemahiran tertentu dan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi tekanan kerana alam pekerjaan lazimnya memberikan pelbagai jenis tekanan kerja. Selain persediaan mental, persediaan fizikal juga tidak seharusnya dikesampingkan. Penampilan diri mencerminkan keperibadian serta sikap kita yang sebenar. Oleh yang demikian, imej yang profesional, kemas, bersih, dan sederhana amat sesuai dibawa semasa temu duga.

PPPM PT telah menyarankan agar setiap graduan melengkapkan diri dengan elemen kepemimpinan yang baik. Kemahiran bekerja bersama-sama subordinat perlu dipelajari oleh pelajar dan ciri kepemimpinan dapat dibentuk dalam diri dengan menyertai aktiviti kampus yang melibatkan kerja sebagai satu pasukan.

Sama ada bersifat autokratik ataupun demokratik dalam memmanifestasikan kepemimpinan, seseorang graduan itu perlu bijak memainkan peranannya sebagai pemimpin yang berjaya. Oleh itu, kemahiran dalam mengadakan perbincangan, merancang, menilai pendapat orang bawahan, dan

kemahiran teknikal yang sebenarnya dapat mempengaruhi aspek penawaran kerja buat mereka. Kemahiran berkaitan dengan perhubungan sosial seseorang individu itu dengan individu yang lain dan penyediaan nilai moral yang baik dalam diri perlu dititikberatkan oleh setiap graduan kerana keperibadian seseorang itu dapat memberikan kesan kepada pelaksanaan pekerjaannya nanti.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (2015-2025) (PPPM PT) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, pada 7 April yang lalu telah menggariskan enam ciri yang perlu dimiliki oleh setiap graduan, iaitu

Education - Career Education
Pg = 2 - 11

Control No: 000274676
file name: ma/education/2015/EOU2015A01.pdf



Graduan seharusnya memiliki kemahiran sampingan yang lain supaya mampu bersaing semasa memohon pekerjaan.

membuat keputusan dengan autoriti yang diberikan adalah antara cabang kepimpinan yang penting.

Antara kemahiran lain yang perlu dikuasai oleh para bakal graduan termasuklah kemahiran bahasa dan komunikasi. Dua masalah utama yang dihadapi oleh syarikat apabila mengambil graduan untuk bekerja ialah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dan perwatakan, sikap serta personaliti yang kurang baik. Apabila graduan mampu menggunakan bahasa Inggeris dengan sempurna, hal ini dapat menjadikannya berupaya untuk bersaing di persada global sama ada dengan bekerja di luar negara ataupun dengan syarikat antarabangsa yang bertapak di tanah air.

Kemahiran berbahasa Inggeris dengan baik kerap menjadi kriteria yang kritikal dalam pemilihan graduan sebagai pekerja kerana penguasaan bahasa berkenaan dapat memudahkan pelbagai urusan kerja. Selain itu, penguasaan bahasa ketiga dapat menjadikan seseorang graduan itu lebih "unik" berbanding dengan yang

Dua masalah utama yang dihadapi oleh syarikat apabila mengambil graduan untuk bekerja ialah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dan perwatakan, sikap serta personaliti yang kurang baik.

lain, seperti bahasa Mandarin yang semakin berkembang di dunia seiring perkembangan ekonomi di China dan bahasa Jerman serta bahasa Perancis.

Selain penguasaan bahasa tertentu, graduan tidak seharusnya memandang remeh soal komunikasi antara manusia kerana impak yang positif dapat dihasilkan daripada komunikasi yang efektif. Antara kemahiran komunikasi yang perlu dikuasai oleh graduan termasuklah cara percakapan dengan individu yang berbeza status, umur, jantina dan budaya, penggunaan gaya bahasa yang sesuai mengikut medium atau tujuan komunikasi tertentu, kepelbagaian teknik berbahasa berdasarkan peranan yang diberikan, dan pencetusan hubungan baik melalui komunikasi. Kepetahan, ketepatan, dan keyakinan dalam berbahasa juga dapat menjadikan graduan orang yang meyakinkan dan berkarisma.

Kemahiran berfikir ialah topik lain yang turut dibincangkan sebagai salah satu ciri graduan yang memfokuskan sikap menghargai pendapat yang pelbagai, mampu berfikir secara kritikal, berinovatif, dan mempunyai inisiatif untuk

menyelesaikan masalah. Penekanan kepada penyelesaian masalah melalui kemahiran berfikir yang kritis dan analitis dapat menghasilkan graduan yang berupaya menyumbangkan buah fikiran yang berkualiti, khususnya dalam mencari alternatif berkesan kepada masalah yang timbul. Kemahiran berfikir yang baik amat berkaitan rapat dengan budaya kerja yang cemerlang apabila setiap masalah mampu ditangani dengan sewajarnya.

Graduan tidak sekadar perlu memahirkan diri dengan kemahiran tertentu, tetapi minda mereka juga harus dipenuhi ilmu yang secukupnya, terutama tentang bidang kepakaran masing-masing. Kerajaan menetapkan sasaran untuk melahirkan graduan yang holistik dan sempurna. Dalam pelan tersebut, kerajaan ingin menghasilkan masyarakat yang memiliki budaya pembelajaran sepanjang hayat. Justifikasi kepada hal ini ialah 65 peratus daripada pelajar sekolah rendah hari ini akan diambil bekerja dalam kerjaya yang belum wujud buat masa ini. Hal ini menunjukkan bahawa graduan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan baharu di samping mengukuhkan pengetahuan sedia ada bagi membolehkan dirinya lebih fleksibel dalam merentasi bidang yang bukan merupakan kepakaran dan seterusnya lebih mudah menembusi sebarang arena pekerjaan.

Kreativiti dan inovasi merupakan garis panduan yang penting dalam

membezakan sesuatu produk daripada produk yang lain dalam pasaran. Jean-Francois Couvé, pengarah urusan L'Oréal Paris Malaysia, menyatakan bahawa graduan yang memiliki kombinasi sifat penyajak dan petani menjadi pilihan yang tepat untuk bekerja dengan syarikat kosmetik terkemuka itu kerana graduan sebegini memiliki daya pemikiran kreatif di samping kesungguhan serta kerajinan dalam bekerja. Oleh itu, jelaslah bahawa kemampuan untuk menghasilkan idea atau produk yang kreatif dapat menjadi ukuran bagi pengambilan bekerja seseorang graduan itu.

Dari sudut kognitif, pemikiran yang kritis mampu menjanakan pemikiran yang kreatif. Para bakal graduan perlu melatih minda untuk berfikir di luar ruang lingkup kebiasaan dan sentiasa cuba mencipta inovasi dan kelainan yang dapat memberikan manfaat dan penambahbaikan. Semua ini dapat direalisasikan melalui pembacaan yang banyak dan pergaulan yang luas.

Kerajaan berhasrat untuk menukar fungsi graduan daripada pencari kerja kepada pencipta pekerjaan dan warganegara yang seimbang dengan mentaliti serta daya keusahawanan. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh pelan ini, hanya dua peratus daripada graduan di negara ini yang bekerja sendiri atau menjalani perniagaan. Keusahawanan dikatakan merupakan antara kemahiran yang kurang dikuasai oleh kebanyakan pelajar.

Oleh yang demikian, setiap pelajar perlu bijak merebut peluang dalam mengasah bakat mereka dalam bidang perniagaan dengan menimba pengalaman berniaga secara kecil-kecilan melalui saluran yang disediakan oleh universiti, seperti kelab dan kursus keusahawanan serta penubuhan Koperasi Usahawan Siswa (KOSISWA).

Kursus pendek dan jangka panjang penghasilan produk dan pembaikan kenderaan atau peralatan yang rancak ditawarkan oleh kolej komuniti perlu disertai oleh para bakal graduan untuk mempersiapkan diri mereka bagi menjadi usahawan apabila menghadapi kemungkinan kesukaran mendapatkan pekerjaan kelak. Selain itu, tempoh cuti semester yang panjang seharusnya diisi dengan pekerjaan sementara bagi mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dalam aspek perniagaan.

Antara aspirasi PPPM PT dari segi kualiti graduan termasuklah sasaran melebihi 80 peratus dalam menjadikan para graduan individu yang dapat dipasarkan. Namun begitu, tanpa sokongan daripada graduan yang berusaha merealisasikan hasrat dan misi kerajaan ini, pelan yang dirangka hebat tersebut tidak mungkin mencapai objektif dengan sepenuhnya.

Oleh itu, para graduan perlu menahyut seruan kerajaan untuk menjadi individu yang berkebolehan dalam pelbagai bidang dan kebanggaan bangsa serta negara.



Kepakaran yang dimiliki melonjakkan lagi tahap kreativiti dan inovasi negara.